



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**GARIS PANDUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
PELAKSANAAN LATIHAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL
(SLDN) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP),
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

4 FEBRUARI 2021

**GARIS PANDUAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELAKSANAAN
LATIHAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) SEMASA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PEMULIHAN (PKPP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
(PKPB)**

1. Pengenalan

- 1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pusat Bertauliah (PB) JPK selaras dengan Pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 dan susulan surat rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) kepada Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC) bertarikh 15 Januari 2021, di mana pelaksanaan aktiviti latihan kemahiran bersemuka di semua Pusat Bertauliah Awam (PBA) dan Pusat Bertauliah Swasta (PBS) dibenarkan dengan syarat PBA dan PBS mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) – Sektor Pengajian Tinggi selain Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM). Walau bagaimanapun, pengoperasian PBA masih tertakluk kepada ketetapan khusus Agensi/Kementerian masing-masing.
- 1.2 Sehubungan itu, Garis Panduan ini adalah SOP bagi Pusat Bertauliah (PB) SLDN dalam mengurus aktiviti latihan di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 dan perlu dibaca bersama:
 - a. Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu dan arahan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa;
 - b. Panduan Pengurusan Dan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB); dan
 - c. Peraturan-peraturan lain berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

2. Objektif

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan:

- i. Pengurusan latihan di PB SLDN dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar mengikut norma baharu;
- ii. Keselamatan dan kesihatan perantis, personel pentauliahan dan kakitangan PB SLDN diutamakan semasa latihan dilaksanakan; dan
- iii. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlaku dalam keadaan selamat serta mematuhi langkah keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan.

3. Tafsiran

Dalam garis panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Bergejala” ertinya simptom awal COVID-19 iaitu sama ada mengalami demam (suhu badan 37.5°C dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas;

“Coach” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diperakukan oleh Ketua Pengarah untuk melatih, membimbing, menyelia dan menilai kemahiran perantis dalam aspek praktikal dan berdaftar dengan JPK;

“PB SLDN” ertinya Pusat Latihan atau Syarikat di mana program latihannya telah ditauliahkan oleh JPK melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN);

“Pengajar SLDN” ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diperakukan oleh Ketua Pengarah untuk melatih, membimbing, menyelia dan menilai kemahiran perantis dalam aspek teori;

“Penjarakan fizikal” ertinya jarak antara satu individu dengan individu lain sekurang-kurangnya satu (1) meter dalam sebarang aktiviti;

“Personel Pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliah, penyelaras, *coach* atau pengajar yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah SLDN;

“Pengajaran dan Pembelajaran” ertinya aktiviti latihan dan penilaian merangkumi teori dan praktikal melibatkan perantis dan personel yang terdiri daripada Pengajar, *Coach* dan Pegawai Pengesah Luaran.

4. Peranan dan Tanggungjawab

Garis panduan ini menjelaskan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat seperti berikut:

4.1 Pengurus Pusat Bertauliah

- a. Mengeluarkan surat panggilan kembali ke PB kepada pelatih yang terlibat bagi membolehkan pelatih mengemukakan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan kebenaran merentas daerah/negeri beserta Notis Pemakluman Kebenaran yang dikeluarkan oleh Jabatan di laman sesawang;
- b. Mengadakan SOP khusus untuk pelaksanaan latihan kemahiran di PB mengikut norma baharu;
- c. Memastikan PB SLDN berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi serta mengikut norma baharu yang ditetapkan dari semasa ke semasa;
- d. Memastikan ruang premis/latihan disanitasi secara berkala;
- e. Memastikan personel pentauliah, perantis dan kakitangan yang hadir ke PB SLDN berada dalam keadaan sihat dan tidak bergejala;
- f. Mengingatkan perantis, personel pentauliah dan kakitangan PB SLDN untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan fizikal;
- g. Memastikan perantis, personel pentauliah dan warga PB SLDN merekodkan kehadiran masing-masing menggunakan buku rekod atau aplikasi MySejahtera yang disediakan;
- h. Memberikan penerangan dan pendidikan berterusan kepada perantis, personel pentauliah dan kakitangan PB SLDN mengenai penularan jangkitan COVID-19 dengan memperincikan kepentingan penjagaan kesihatan seperti mencuci tangan dengan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*), penggunaan pelitup muka (*face mask*) serta kepentingan amalan penjarakan fizikal;

- i. Memastikan saringan suhu dilakukan terhadap perantis, personel pentauliah dan warga PB SLDN pada setiap hari di pintu masuk PB. Jika mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, mereka tidak dibenarkan masuk ke kawasan PB dan hendaklah menjalani saringan di klinik atau hospital berdekatan dengan segera. Kos saringan ujian swab COVID-19 bagi kakitangan PB dan perantis yang bergejala adalah ditanggung oleh PB;
- j. Memastikan perantis, personel pentauliah dan warga PB SLDN mengisytiharkan status kesihatan dengan mengisi Borang seperti Lampiran 1;
- k. Memastikan penjarakan fizikal satu (1) meter dalam semua aktiviti dengan amalan 3W (*Wash, Wear, Warn*) dan elakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat);
- l. Melaksanakan pemeriksaan kesihatan dan mengenalpasti perantis, personel pentauliah dan kakitangan PB SLDN serta pelawat yang bergejala dengan tindakan-tindakan berikut:
 - i. Mengambil dan merekod suhu badan pada awal waktu setiap hari sebelum memulakan kerja/sesi latihan di pintu masuk PB SLDN;
 - ii. Mengasingkan mereka yang mempunyai bacaan suhu badan melebihi 37.5°C dan bergejala seperti batuk, sakit tekak, selsema dan sesak nafas ke bilik isolasi sebelum dirujuk ke klinik; dan
 - iii. Pelawat yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C dilarang masuk dan berada di kawasan PB SLDN.
- m. Memastikan hebahan tentang penjagaan kesihatan dan langkah-langkah pencegahan COVID-19 dibuat melalui poster atau apa-apa medium hebahan di kawasan premis;
- n. Memastikan premis dan ruang latihan sentiasa dibersihkan dan disanitasi secara berkala seperti berikut:

- i. Pembersihan dan nyahkuman dilakukan setiap hari dan lebih kerap di kawasan gunasama terutamanya di tempat yang kerap disentuh seperti butang lif, pemegang pintu dan lain-lain; dan
 - ii. Membuat sanitasi ke atas peralatan/mesin/bahan sebelum dan selepas digunakan.
- o. Menyediakan pelan lantai untuk diletakkan tanda penjarakan fizikal dengan menggunakan pita pelekat berwarna yang mudah dilihat di lokasi yang bersesuaian seperti kelas, bengkel, ruang kerja, makmal, bilik pengajar, pejabat dan lif;
- p. Menyediakan tempat mencuci tangan dengan sabun dan air atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*);
- q. Menyediakan buku rekod atau aplikasi MySejahtera bagi pengesanan kontak;
- r. Menyediakan dan menandakan laluan keluar dan masuk yang khusus dan berasingan;
- s. Perhimpunan dan aktiviti berkumpul secara beramai-ramai yang melibatkan perantis dan kakitangan PB SLDN tidak dibenarkan dan tertakluk kepada arahan dan SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari masa ke semasa;
- t. Memastikan tindakan berikut diambil sekiranya terdapat perantis, personel pentauliahan dan kakitangan PB SLDN yang disahkan positif COVID-19 oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD):
 - i. mengenal pasti dan menyediakan senarai kontak rapat bagi membantu PKD;
 - ii. memberikan kerjasama kepada anggota PKD untuk tindakan lanjut; dan
 - iii. mendapatkan nasihat daripada PKD mengenai keperluan melaksanakan pembasmian kuman di lokasi yang dikenal pasti.

4.2 Pengajar SLDN dan *Coach*

- i. Menyediakan dan menyusun jadual latihan dan penilaian yang bersesuaian bagi memastikan PdP dilaksanakan mengikut norma baharu;
- ii. Melaksanakan PdP yang bersesuaian dengan kesediaan perantis dan situasi semasa;
- iii. Mengingatkan perantis untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dengan kerap membasuh tangan, pemakaian pelitup muka (*facemask*), pemakaian *Personal Protective Equipment* (PPE) dan mengamalkan penjarakan fizikal; dan
- iv. Memaklumkan pengurusan PB SLDN jika terdapat perantis yang bergejala.

4.3 Pengurusan Asrama / Penginapan Perantis

PB SLDN yang ada menyediakan kemudahan asrama/penginapan kepada perantis, pihak pentadbir bertanggungjawab memastikan:

- a. Perantis yang sihat sahaja yang dibenarkan kembali ke asrama/penginapan. Sekiranya mereka tidak sihat, mereka hendaklah mendapatkan rawatan doktor dan disahkan sihat sebelum bersedia untuk balik ke asrama;
- b. Saringan kesihatan dilakukan semasa pendaftaran masuk ke asrama. Perantis yang didapati mempunyai suhu badan 37.5°C dan ke atas atau bergejala perlu dirujuk di klinik kesihatan atau hospital berdekatan;
- c. Persediaan pihak pengurusan PB SLDN sebelum perantis masuk ke asrama:
 - i. Katil perantis hendaklah dijarakkan satu (1) meter antara satu sama lain. Sekiranya katil *double-decker*, katil bawah sahaja dibenarkan digunakan;
 - ii. Tanda penjarakan satu (1) meter disediakan untuk perantis beratur bagi semua bilik khas yang bersesuaian seperti di persekitaran tandas, bilik air/mandi, bilik cuci, bilik gosok dan lain-lain; dan
 - iii. Jadual penggiliran waktu makan disediakan di dewan makan sekiranya perlu.

- d. Sekiranya terdapat dewan makan, kedudukan tempat makan dewan makan diletakkan penandaan bagi penjarakan fizikal (contoh: jarak satu (1) meter untuk beratur semasa mengambil makanan dan menghantar dulang makan di dewan makan asrama) dan tanda tempat duduk dengan penjarakan fizikal semasa waktu makan;
- e. Semasa di asrama, perantis yang tidak sihat perlu diasingkan dan diberikan *face mask* untuk dipakai serta dihantar ke klinik kesihatan atau hospital berdekatan;
- f. Perantis hendaklah melaporkan dengan segera kepada warden sekiranya diri sendiri atau rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas; dan
- g. Pemantauan secara berkala perlu diadakan bagi memastikan perantis sentiasa mematuhi penjarakan fizikal dan berada dalam keadaan sihat.

5.0 Pelaksanaan Latihan

- 5.1 PdP adalah dibenarkan secara bersemuka dalam tempoh PKP, PKPP dan PKPB seperti mana arahan MKN yang berkuat kuasa bagi perantis di mana latihan kemahiran masih berbaki enam (6) bulan sebelum tamat tempoh latihan. Bagi perantis yang tidak menginap di asrama, mereka juga turut dibenarkan untuk hadir ke PB SLDN bagi mengikuti latihan PdP secara bersemuka.
- 5.2 Bagi perantis yang terlibat di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), mod pembelajaran adalah secara atas talian.
- 5.3 Personel pentauliahan yang melaksanakan PdP di PB SLDN hendaklah:
 - i. Merancang pelbagai kaedah penyampaian PdP secara bersemuka berdasarkan SOP Norma Baharu oleh MKN;
 - ii. merancang dan melaksanakan aktiviti PdP kepada perantis dengan mengambil kira pematuhan terhadap amalan penjarakan fizikal;
 - iii. memastikan semua PdP yang dilaksanakan tidak melibatkan aktiviti luar bilik kuliah; dan

- iv. memastikan semua aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka tidak dilaksanakan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan.
- 5.4 Bagi pelaksanaan latihan teori dan latihan praktikal yang melibatkan aktiviti bersemuka, PB SLDN hendaklah memastikan sesi latihan bersemuka dilaksanakan mengikut ketetapan norma baharu seperti berikut:
- i. Memastikan perantis dan personel pentauliahan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain semasa sesi latihan dijalankan;
 - ii. Menjadualkan latihan mengikut kumpulan sekiranya ruang latihan tidak mencukupi disebabkan pelaksanaan penjarakan fizikal;
 - iii. Bilangan perantis bagi satu sesi PdP ditentukan oleh PB SLDN berdasarkan saiz ruang bilik/bengkel selepas mengambilkira pematuhan kepada penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara perantis dan personel pentauliahan bagi setiap sesi latihan;
 - iv. Memastikan susun atur dalam bilik kuliah/kelas/bengkel mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter;
 - v. Memastikan ruang latihan, mesin, kelengkapan dan peralatan dibersihkan dan disanitasi sebelum dan selepas sesi PdP dijalankan.
- 5.5 Personel pentauliahan yang melaksanakan PdP secara dalam talian hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) secara dalam talian.

6.0 Penilaian dan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL)

- 6.1 Bagi pelaksanaan penilaian dalaman, penilaian akhir dan verifikasi PPL, personel pentauliahan PB SLDN, perantis dan PPL hendaklah mematuhi ketetapan berikut:

- i. Memastikan bilik/dewan peperiksaan dan bengkel berada dalam keadaan bersih dan disanitasi sebelum penilaian dilaksanakan;
- ii. Memastikan susun atur meja/mesin mengambilkira penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter;
- iii. Memastikan peralatan yang disediakan bagi tujuan penilaian berada dalam keadaan bersih dan disanitasi sebelum dan selepas digunakan;
- iv. Menyediakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) atau kemudahan mencuci tangan dengan air dan sabun;
- v. Memastikan perantis, personel pentauliahan dan PPL mematuhi langkah penjagaan keselamatan dan kebersihan diri sepanjang sesi penilaian akhir dilaksanakan seperti pemakaian pelitup muka (*face mask*), pemakaian *PPE* dan mengamalkan penjarakan fizikal;
- vi. Memastikan perantis berada dalam jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter antara satu sama lain;
- vii. Bilangan perantis bagi sesi penilaian ditentukan oleh PB SLDN berdasarkan ruang bengkel/bilik setelah mengambilkira pematuhan kepada penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara perantis dan personel pentauliahan semasa sesi penilaian dijalankan.

6.2 Lawatan Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) bagi tujuan Penilaian Akhir (PA) adalah dibenarkan mengikut ketetapan seperti berikut:

- (i) PPL berkelayakan akan ditugaskan dari Daerah/Negeri yang sama; dan
- (ii) Ketiadaan PPL berkelayakan dalam Daerah/Negeri yang sama, penugasan lawatan verifikasi PPL dari Daerah/Negeri yang berlainan adalah dibenarkan namun tertakluk kepada arahan pematuhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sedang berkuat kuasa di Daerah/Negeri tersebut. Sekiranya PPL diarahkan untuk menjalani prosedur *swab test* atau kuarantin oleh Pejabat Kesihatan Daerah/Negeri, pihak JPK tidak akan menanggung kos bagi prosedur tersebut.

6.3 Lawatan pemantauan akan dilaksanakan secara rawak oleh JPK bagi memastikan PB SLDN mematuhi SOP MKN dan Garis Panduan serta SOP yang telah ditetapkan oleh JPK.

7.0 Tarikh Kuat kuasa

Panduan ini berkuat kuasa dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah


Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari masa ke semasa.

8.0 Penutup

Pelaksanaan Garis Panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Kaedah SLDN Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini diharap dapat memastikan pengurusan latihan di PB SLDN dan proses PdP berjalan dengan lancar mengikut norma baharu. Semua PB SLDN dan pihak berkaitan hendaklah patuh kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
4 Februari 2021

LAMPIRAN 1



**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

BORANG SARINGAN KESIHATAN

Bagi mengelakkan penularan COVID-19 di kalangan kakitangan Pusat Bertauliah (PB) JPK, perantis dan orang lain, soal selidik ringkas berkaitan dengan tahap kesihatan dan sejarah perjalanan terkini tuan/puan perlu dilakukan. Pengisian soal selidik ini penting bagi membolehkan PB mengambil langkah pencegahan dan pengawalan sewajarnya bagi membendung penyebaran COVID-19 di dalam premis ini.

Nama :	No. Telefon :
No. Kad Pengenalan/No. Passport :	Warganegara :
Organisasi (Jika berkaitan) :	
Nama PB :	
Suhu badan :	Dicatat oleh (Nama Pegawai PB) :

PENGISYTIHARAN KESIHATAN	
1.	Adakah anda mempunyai gejala berikut, sila bulatkan jawapan anda : Demam / Batuk / Sakit Tekak / Sesak Nafas Tiada Lain-lain _____
2.	Adakah anda pernah berhubung rapat dengan sebarang cluster COVID-19 yang dinyatakan oleh KKM atau Pesakit di bawah Siasatan (PUI) atau pesakit COVID-19 positif dalam masa 14 hari lalu? Ya / Tidak
3.	Pernahkah anda ke Negara atau kawasan yang terjejas COVID-19 dalam masa 14 hari lalu? Ya / Tidak Jika Ya, sila nyatakan Negara/kawasan tersebut : _____

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

*Nota : PB perlu menyimpan borang maklumat ini sebagai rekod bagi tujuan mengesan kontak jika diperlukan.